

Muhyiddin Hadir Majlis Tahlil Mangsa MH17
Bernama
July 20, 2014

PUTRAJAYA, 20 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin Ahad malam menghadiri majlis tahlil untuk mangsa pesawat Malaysia Airlines (MAS) Penerbangan MH17 yang terhempas di timur Ukraine, di Sri Satria di sini.

Hadir sama isteri beliau Puan Sri Noorainee Abdul Rahman.

Majlis itu diadakan pada majlis berbuka puasa Muhyiddin bersama-sama 500 badan bukan kerajaan (NGO) termasuk Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Majlis Belia Malaysia, Yayasan Dakwah Islamiah, Persatuan Peguam Muslim Malaysia, Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia (YADIM), Persatuan Perkhidmatan Tadbir Diplomatik (PTD) dan Persatuan Bekas Tentera dan Persatuan Bekas Polis.

Pada majlis itu, Muhyiddin dan Noorainee menyampaikan sumbangan kepada 65 pelajar tahfiz dari Maahad Tahfiz Ar Rasyidin dan 50 pelajar tahfiz dari Sekolah Tahfiz Al Ukhuwah Petaling Jaya.

Pesawat MH17 dalam perjalanan dari Amsterdam ke Kuala Lumpur ketika ia terhempas di Donetsk, timur Ukraine, berdekatan sempadan Rusia pada malam Khamis.

Pesawat malang itu membawa 283 penumpang dan 15 anak kapal itu.

Media asing melaporkan pesawat Boeing 777-200 itu dipercayai ditembak jatuh namun sehingga kini tiada pihak yang tampil mengaku bertanggungjawab terhadap insiden itu.

--BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1054995>